

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, November 5, 2019 9:22 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Meneroka Budaya dan Sejarah Kemboja Sambil Beramal



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 NOVEMBER 2019 / 8 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: INASIS BSN

MENEROKA BUDAYA DAN SEJARAH KEMBOJA SAMBIL BERAMAL



UUM ONLINE: Sambil menerokai budaya, sejarah dan cara hidup masyarakat Kemboja, pelajar UUM turut melakukan amal sempena program *INASIS BSN International Mobility – Cambodia* bertemakan *Remove The Barrier, Learn & Experience*, baru-baru ini.

Pelajar, Abigail A/P Balasubramaniam berkata, walaupun dunia sudah maju dalam arus IR 4.0 zaman yang serba canggih, tetapi nun jauh di sana masih ada lagi insan-insan yang terpinggir dari arus kepesatan dan dibelenggu kemiskinan yang mencengkam.

“Berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul. Betapa susahnyanya kehidupan mereka dengan rumah kayu yang usang tanpa kemudahan asas seperti elektrik, makanan, air bersih hanya menggunakan air tadahan hujan dan taraf pendidikan rendah.

“Walaupun hidup mereka serba kekurangan namun mereka berusaha bersungguh-sungguh melayan kami sebagai tetamu membuatkan kami rasa cukup terharu,” katanya yang merupakan pelajar Pengurusan Acara.

Tambahnya, hati mereka amat tersentuh mengenangkan anak-anak kecil yang belum mengerti apa-apa bergelak ketawa ketika bermain dalam acara sukaneka, malah orang dewasa turut terhibur melihat telatah mereka yang mencuit hati.

Debu-debu berterbangan sebaik sahaja meredah jalan tanah merah yang sempit tidak berturap menempuh perjalanan ke kampung yang jauh dari pekan dengan menaiki sejenis kenderaan yang diubah suai.

Ketibaan mereka disambut meriah oleh penduduk kerana jarang-jarang dikunjungi orang luar hanya berlaku sekali dua dalam setahun.

Sarat dengan pengisian bermakna, mahasiswa meluangkan masa mengajar Bahasa Malaysia dan menyumbang buku cerita Bahasa Inggeris yang baru dalam menerapkan amalan membaca dan memantapkan lagi penguasaan Bahasa Inggeris selain melukis mural bagi menceriakan Madrasah Maryam Kg. Tol Cham Phlu.

Pengarah program, Fatin Najwa Firoz Deen berkata, kembara anjuran Jawatankuasa Kepimpinan & Pembangunan Siswa (JKPS) Inapan Siswa (Inasis) BSN bertujuan untuk meneroka budaya, sejarah, cara hidup selain mengeratkan silaturahim bersama penduduk.

Pelbagai aktiviti disediakan antaranya melawat tempat bersejarah di Siem Reap, *Lotus Farm*, tempat pembuatan kain sutera, menaiki bot di Tasik Tonle Sap, pasar malam, menerokai tapak Warisan Dunia UNESCO.

Pelajar turut menaiki bot merentasi Sungai Mekong, melihat keindahan waktu malam di Kemboja dan merasai suasana pasar malam di Phnom Penh dan beramah mesra dengan Duta Malaysia, H.E. Eldeen Husaini Mohd Hashim di Kedutaan Malaysia.

Fatin menyifatkan perjalanan ke Battambang untuk menyantuni penduduk Kg. Tol Cham Phlu selama dua hari menyuntik keinsafan dalam dirinya.

“Ini kali pertama menjejakkan kaki di Kemboja, memang di luar jangkaan, kembara ini sungguh meninggalkan kesan mendalam sekali gus menjadi insan yang lebih bersyukur dengan apa yang ada.

“Kepayahan hidup umat Islam di Kemboja menyedarkan saya betapa bertuahnyanya menjadi umat Islam di Malaysia dan senyuman yang terukir di wajah mereka amat bermakna bagi kami

“Secara keseluruhan lawatan 7 hari telah mengajar kami banyak perkara dan telah membuka mata kami untuk lebih bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan dan menghargai orang di sekeliling kita tanpa mengira agama atau bangsa,” kata pelajar Perakaunan itu.

Sementara itu, Penolong Pengetua INASIS BSN, Rozita Ramli berkata, merasai pengalaman itu bukan sekadar melihat tempat orang tetapi membantu golongan yang memerlukan.

“Pada kali ini, rezeki mereka bertambah kerana bukan sahaja rombongan kami malah terdapat juga sukarelawan seperti Sahabat Masjid UPM, Rakan Rakan Projek Syahadah dan Kelab Ukhuwah UUM turut membawa bersama sumbangan dari Malaysia

“Nikmatnya bila berkongsi rezeki dengan mereka misalnya dalam majlis kenduri mereka berganding bahu mengadakan kenduri sehingga selesai majlis,” katanya.

Walaupun peserta berdepan jurang perbezaan dari segi bahasa dan cara hidup namun peserta bijak menyesuaikan diri menyantuni masyarakat serta menimba pengalaman yang amat berharga.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.